

## TAHAP PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN MASYARAKAT IBAN DI SEBUYAU SARAWAK

### ***LEVEL OF SELECTION ENTREPRENEUSHIP CAREER OF IBAN COMMUNITY IN SEBUYAU SARA WAK***

**Mohammd Saidi Usop<sup>1</sup>**  
**Norasmah Othman<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>Email: saidi\_deng@yahoo.com

**Accepted date:** 03-01-2019

**Published date:** 10-03-2019

**To cite this document:** Usop, M. S., & Othman, N. (2019). Tahap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Masyarakat Iban di Sebuyau Sarawak. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2(5), 38-43.

---

**Abstrak:** Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang dan menjadi faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang keusahawanan menyediakan peluang yang luas untuk diceburi sebagai satu bidang kerjaya. Justeru Kadar penglibatan masyarakat Iban dalam bidang keusahawanan penting dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi Negara. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan sebagai galakan untuk menceburi bidang keusahawanan. Namun bilangan penglibatan masyarakat Iban dalam kerjaya keusahawanan dilaporkan masih rendah. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Iban. Seramai 336 orang dilibatkan dalam kajian. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen bagi pengumpulan data kajian. Setelah data dianalisis tahap pemilihan kerjaya keusahawanan masyarakat Iban di Daerah Sebuyau Sarawak didapati berada pada kadar sederhana tinggi. Ini bermakna usaha untuk meningkatkan minat mereka untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya perlu terus ditingkatkan. Implikasi dapatkan kajian ini mencadangkan supaya pelbagai program ditingkatkan dan diteruskan agar kcenderungan masyarakat Iban dapat ditingkatkan dalam bidang keusahawanan dan terus memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan.

**Kata Kunci:** Keusahawanan, Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya, Kerjaya Keusahawanan, Masyarakat Iban

**Abstract:** *Career in entrepreneurship is growing and contributing to the country's economic growth. The field of entrepreneurship provides a great opportunity to venture into a career field. The rate of involvement of the Iban society in entrepreneurship is important to the development of society and economy of the State. Various initiatives have been implemented by the government as an incentive to venture into entrepreneurship. Iban community involvement in entrepreneurship is still slow. Hence, this study is conducted to examine the level of entrepreneurship career selection among the Iban community in Sarawak. A total of 336 people were involved in the study and questionnaire and used as data collection*

*instruments. Level of entrepreneurship career choice among them is at moderate pace. The implication of this study suggests that various programs are improved and continued so that the tendency of Iban community to be improved in the field of entrepreneurship and continue to choose entrepreneurs as an optional career.*

**Keywords:** Entrepreneurship, Career Selection Behavior, Career Entrepreneurship, Iban Community

---

## Pengenalan

Bidang keusahawanan berperanan penting kepada kemajuan sistem ekonomi sesebuah Negara (Darmawanti 2013). Ini dibuktikan oleh kajian sama ada dalam Negara maupun luar Negara. Kemajuan sesuatu masyarakat juga seringkali dikaitkan dengan latar belakang serta budaya mereka. Umpamanya di Malaysia, masyarakat Cina dilaporkan antara bangsa yang menguasai ekonomi Negara dan perkara ini dikaitkan dengan budaya serta latar belakang mereka. Justeru, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkasakan ekonomi bangsa lain (Suhaila 2014). Ini kerana keseimbangan ekonomi antara bangsa amatlah perlu bagi tujuan keharmonian serta kesejahteraan sesebuah Negara (Norasmah 2018).

Antara agenda yang sentiasa dikaitkan untuk memperkasakan ekonomi sesebuah Negara adalah berkait dengan agenda keusahawanan. Terkini bidang keusahawanan atau kerjaya keusahawanan merupakan perkara yang diutamakan Kerajaan. Tambahan dengan senario semasa yang mana kerajaan tidak dapat menawarkan peluang pekerjaan yang banyak kepada warganegara. Namun masyarakat masih memandang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan kedua. Oleh itu, persoalannya, bagaimana tanggapan ini hendak diubah? Bagaimana latar belakang dan sosial budaya boleh dibentuk agar tanggapan, sikap dan personaliti seseorang boleh berubah. Menurut Collin et al. (2004), Ishak et al. (2006), Lewis (2002), Mohd Yusop et al. (2003) dan Nor Aishah et al. (2006), sikap, personaliti dan tanggapan terhadap bidang keusahawanan boleh mendorong tingkah laku seseorang terhadap kerjaya keusahawanan.

Fokus utama yang diberi tumpuan pada masa kini adalah bidang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Menurut Laporan Tahunan PKS 2012/13 (Majlis PKS Kebangsaan 2013), PKS memberi sumbangan besar kepada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK). Ia juga berupaya membantu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat. Oleh yang demikian, kerajaan melalui agensi seperti Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, SME Bank, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Rakyat, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs) telah menawarkan pelbagai program latihan berkaitan keusahawanan dan memberi bantuan kewangan serta khidmat nasihat (Yahya 2014).

## Masyarakat Iban

Kumpulan etnik terbesar di Sarawak adalah Dayak. Ia mencakupi masyarakat Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Dari segi sejarah, kebanyakan orang Dayak di Sarawak mengamalkan peralihan pertanian sebagai sumber ekonomi utama mereka selain aktiviti memancing dan memburu untuk kehidupan (Tateh et al. 2014). Ini terbukti apabila rumah kediaman mereka juga dibina sepanjang tebing sungai (Tateh et al. 2013). Oleh kerana aktiviti dan budaya ini, sosioekonomi masyarakat Dayak masih pada tahap yang rendah.

Dasar Ekonomi Nasional (DEB) dan Dasar Pembangunan Negara yang (DPN) berperanan untuk mengimbangi ekonomi semua masyarakat terutama masyarakat Bumiputera telah diusahakan dengan giat. Walaupun matlamat DEB dan DPN tidak berjaya sepenuhnya namun taraf kehidupan dan kualiti kehidupan masyarakat Melayu telah dapat ditingkatkan (Fakrul & Wan, 2011). Namun perkara ini tidak terkesan kepada masyarakat Dayak, khasnya masyarakat Iban. Laporan statistik melaporkan bahawa sebahagian besar masyarakat Dayak masih banyak terlibat dengan pekerjaan asas. Kebanyakan mereka masih dibayar rendah dan tinggal di bawah garis kemiskinan rasmi (Sarawak, 2011). Oleh itu, bagi mencapai wawasan 2020 iaitu untuk menjadisebuah negara maju, bidang keusahawanan perlu dititikberatkan. Ini kerana bidang keusahawanan dikatakan mampu menjana peluang pekerjaan yang banyak dan akhirnya berjaya meningkatkan taraf sosial serta membangunkan ekonomi Negara mahupun sesuatu masyarakat (Ahmad dan Xavier 2012; Johansen 2007). Oleh yang demikian, kajian dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti tahap pemilihan kerjaya keusahawanan masyarakat Iban.

### **Metodologi**

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Cresswell (2008), soal selidik merupakan instrumen yang paling popular digunakan dalam kajian kuantitatif. Instrumen soal selidik bagi kajian ini diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Noraishah et al. (2010), Norita et al. (2007), Salmah (2009) dan Norasmah et al. (2012). Ia mempunyai 25 item yang bertujuan mengukur tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan masyarakat Iban.

Sebelum instrumen diedarkan untuk kajian lapangan, kajian rintis telah dilaksanakan untuk memastikan instrumen mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Untuk tujuan rintis, 30 orang dari masyarakat Iban telah diambil dan hasilnya dianalisis. Dapatkan menunjukkan kesahan instrumen melebihi 0.30 dan kebolehpercayaan yang diuji dengan Cronbach Alpha adalah .97. Ini bermakna instrumen ini adalah baik dan boleh digunakan. Selain itu, instrumen ini menggunakan skala Likert lima poin iaitu dari 1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju. Bagi mengenal pasti tahap pula, interpretasi skor min adalah dirujuk seperti Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1. Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

---

Sumber: Norasmah (2002)

Kumpulan sasaran bagi kajian ini adalah masyarakat Iban di Sebuaya Sarawak yang berjumlah seramai 5164 orang. Oleh itu seramai 369 orang telah dipilih sebagai sampel dimana jumlah saiz sampel ini ditentukan dengan berpandukan kepada Jadual Penentuan Kreijcie dan Morgan 1970.

## Dapatan dan Perbincangan

### ***Apakah Tahappemilihan Kerjaya Keusahawanan Masyarakat Iban Di Sebuau Sarawak?***

Jadual 2 tahap pemilihan kerjaya keusahawanan masyarakat Iban adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu min=3.69, s.p.= .67. Ini bermakna bidang keusahawanan sudah mula diterima baik oleh masyarakat Iban. Peningkatan tahap pemilihan kerjaya keusahawanan masyarakat Iban berlaku susulan daripada penawaran program pendidikan dan latihan yang berbentuk pembudayaan keusahawanan. Ini jelas dengan laporan-laporan daripada kerajaan negeri Sarawak (Tateh 2014). Bagaimana peningkatan ini masih rendah iaitu sederhana tinggi kerana minat masyarakat Iban terhadap keusahawanan masih tidak dapat menandingi minat mereka terhadap kerjaya tradisional (pertanian dan nelayan). Seperti yang dinyatakan dalam kajian Mohd Nor Hakimin et al. (2014), walau pun terdapat pelbagai bantuan kerajaan namun proses untuk memohon adalah rumit. Akibatnya masyarakat yang disasarkan malas untuk membuat permohonan. Dapatan ini selaras dengan kajian Mapfaira & Setibi (2014) apabila mereka juga mengatakan masyarakat tertentu tidak memilih keusahawanan sebagai kerjaya kerana terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah seperti masalah kewangan.

### **Jadual 2: Tahap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Masyarakat Iban**

Konstruk	n	min	s.p.	Interpretasi Skor
Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan	369	3.69	.67	Sederhana Tinggi

## Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu analisis yang penting dalam mengenal pasti tingkah laku pemilihan kerjaya masyarakat Iban. Kajian diajalankan supaya pihak-pihak yang berkepentingan dapat melaksanakan pelbagai pendekatan yang sewajarnya dalam memupuk tingkah laku keusahawanan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Iban. Kajian menunjukkan tahap tingkah laku pemilihan kerjaya masyarakat Iban masih lagi di tahap sederhana tinggi. Bidang keusahawanan merupakan fenomena baharu dalam era ekonomi moden. Pertambahan kadar penglibatan masyarakat Iban dalam bidang keusahawanan dapat membantu meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara serta menstabilkan aspek sosial negara. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan masyarakat Iban ke arah bercorak pemikiran keusahawanan penting dalam membudayakan bidang keusahawanan dalam kalangan masyarakat. Peranan pihak kerajaan dan institusi pendidikan tinggi penting bagi mendedahkan masyarakat dengan aktiviti-aktiviti keusahawanan. Dalam mencapai Negara maju, Malaysia perlu lebih proaktif dalam menggunakan sumber-sumber atau aset yang ada supaya dalam membantu meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara melalui kewujudan peluang-peluang pekerjaan yang baharu. Manakala, institusi pendidikan tinggi dan pihak sekolah pula perlu fokus dalam menyediakan objektif kurikulum pendidikan yang dapat menerapkan pelajar dengan ciri-ciri keusahawanan seperti kemahiran, pengetahuan, tingkah laku, sikap keusahawanan bagi melahirkan masyarakat yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Antara bentuk sokongan yang boleh dipertimbangkan adalah melalui pendedahan aktiviti keusahawanan yang pelbagai, contohnya program latihan, seminar, kursus jangka masa pendek dan sebagainya. Oleh itu dengan

pendekatan kurikulum, peranan dari semua pihak dapat meningkatkan tahap kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan.

## Rujukan

- Abdul Ghani Farinda, Yusniza Kamarulzaman, Apnizan Abdullah, Syed Zamberi Ahmad 2009,  
Building Business Research Papers, Vol. 5, No 2 March 2009 Pp. 151-160 *Business Network: A Proposed Framework for Malaysian SMEs, International Review*
- Abdul Rahman Aziz. 2000. *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*. Petaling Jaya: Prentice – Hall.
- Abiodun, O.Y. & Oyejoke, O.O. 2017. The relationship between entrepreneurship education and student's entrepreneurial intentions in Ogun State-Owned Universities, Nigeria. *British Journal of Education* 5(3): 9 – 20.
- Abu Bakar Hamed & Muhammad Shukri Bakar. 2008. *Personaliti Keusahawanan dan Kecenderungan Memulakan Perniagaan. Perbandingan antara masyarakat Muslim dan Bukan Muslim*. Kertas Kerja dalam persidangan Keusahawanan Islam (ICEPS) di USIM. 16-17 Feb.
- Ahmad, S.Z. d& Xavier, R.S. 2012. Entrepreneurial environments and growth: evidence from Malaysia GEM Data. *Journal of Chinese Entrepreneurship* 4(1): 50 – 69.
- Ahmetoglu, G., Leutner, F., & Chamorro-Premuzic, T. 2011. EQ-nomics: Understanding the relationship between individual differences in Trait Emotional Intelligence and entrepreneurship. *Personality and Individual Differences* 51(8): 1028-1033.
- Ajzen, I. & Albarracin, D. 2007. Predicting and changing behavior: A reasoned action approach.
- Ajzen, I, Albarracin, D. & Hornik, R. (pnyt.). *Prediction and change of health behavior: Applying the reasoned action approach*, hlm. 3-21. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Ajzen, I. & Madden, T.J. 1986. Prediction of goal-directed behavior: Attitudes, intentions and perceived behavioral control. *Journal of Experimental Social Psychology* 22: 453-474.
- Ajzen, I. 1980. *Understanding attitudes and predicting social behaviour*. New Jersey: Prentice – Hall.
- Buerah Tunggak, Hussin Salamon & Baharin Abu 2011, *Keperluan Latihan dan Pendidikan Berterusan ke arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam Di Malaysia*, Jurnal teknologi, 55 (Sains Sosial), Mei 2011:121-144
- Buerah Tunggak & Hussin Salamon 2011, *Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak*, Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation 29(2) (2011):123-147
- Buerah Tunggak, Hussin Salamon & Baharin Abu 2013, *Pengaruh Faktor-faktor Demografi Terhadap Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Muslim*, Jurnal Kemanusiaan Bil. 20, ISSN: 1675-1930 @ Universiti Teknologi Malaysia April 2013
- Badariah Haji Din, Abdul Rahim Anuar & Mariana Usman. *The entrepreneurship education program in Malaysian Public Universities. The European Proceedings of Social & Behavioral Sciences*, hlm. 443-449.
- Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyalarasaran Dasar. 2016. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2015*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Baharu Kemat Al-Haj & Mohammed Zain Yusof. 2013. *Sikap keusahawanan dan hasrat keusahawanan: satu penilaian instrumen dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan*. Jurnal Personalia Pelajar 15: 61 – 69.

- Bar-On, R. & Parker, J.D.A. 2000. *The Bar-On emotional quotient inventory: youth version (eq-i:yv) technical manual*. Toronto, Canada: Multi-Health Systems, Inc
- Bar-On, R. 2006. The Bar-On model of Emotional-Social Intelligence (ESI). *Consortium for Research on Emotional Intelligence in Organizations* 18: 1-28.
- Baron, R.A. & Shane, S.A. 2008. *Entrepreneurship: A process perspective*. London: Thomson Learning Distributor.
- Baron, R.A. 2008. The role of affect in the entrepreneurial process. *Academy of Management Review* 33: 328 – 340
- Bedwell, S. 2003. *Emotional Judgment Inventory Manual*. Champaign, IL: Institute for Personality and Ability Testing.
- Bolton, B. & Thompson, J. 2004. *Entrepreneurs: Talent, temperament, technique (2<sup>nd</sup> Edition)*. Butterworth-Heinemann: Oxford.
- Borchert, M. 2002. Career choice factors of high school students. Tesis Sarjana, University of Wisconsin-Stout.
- Bordens, K.S. & Abbott, B.B. 2011. *Research Design and Methods: A Process Approach (8<sup>th</sup> Edition)*. New York: Mc-Graw Hill.
- Boren, A.E. 2010. Emotional Intelligence: The secret of successful entrepreneurship? *Faculty Publications: Agricultural Leadership, Education & Communication Department*. <Http://digitalcommons.unl.edu/aglecfacpub/55>
- Branchet B., Augier, B., Boissin J.P., & Quere, B. 2011. Strategic governmental economic activities in support of young French SMEs, *Journal of Small Business and Enterprise Development* 18(2): 384 – 402.
- Brislin, R.W. 1986. The wording and translation of research instruments. Dlm. Lonner, W.J. & Berry, J.W. (pnyt.). *Field methods in cross-cultural research*, hlm. 137- 164. Newbury Park, CA: Sage.
- Brown, C., George-Curran, R., & Smith, M.L. 2003. The role of emotional intelligence in the career commitment and decision-making process. *Journal of Career Assessment* 11(4): 379 – 392.
- Ishak Yussof, Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi, Mohd Shukri Hajinoor 2011, *Faktor Keusahawanan dan Prestasi Kejayaan Usahawan Melayu di Pulau Langkawi, Kedah*, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Prosiding PERKEM VI, Jilid 2 (2011) 196 – 207 ISSN: 2231-962X
- Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi, Mohd Radzuan Rahid (2013), *Transformasi Dan Prestasi Perniagaan Usahawan Melayu Di Johor*, Proceding PERKEM VII, volume 1 (2012) 696-708, ISSN: 2231-962X
- Laman Web Rasmi SME Corp. Malaysia, <http://www.smeCorp.gov.my>, Garis Panduan Bagi Definisi Baharu PKS disediakan oleh SME corp. Malaysia Sekretariat bagi Majlis Pembangunan Perniagaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan, Oktober 2013
- Lim Jie Wei, Novel Lyndon 2013, *Jaringan Sosial pemasaran pertanian di kalangan Komuniti Cina di Kg Baru, Tras Raub, Pahang*, GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space 9 I issue 4 (24-34) @ 2013, ISSN 2180-2491
- Mohd Hassan Bin Mohd. Osman 2007, *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro di negeri Johor*, Vot Penyelidikan 75002, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nor Hakimin Yusoff, Mohd Rafi Yaacob 2010, Memula dan Mengurus Perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (Perniagaan Kecil dan Sederhana), Cetakan Pertama 2010, Penerbit Universiti Malaysia Kelantan
- Mohd Nor Hidayat Hambali 2011, Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor, Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia